

13/08/1998

Atlit diseru patuhi nasihat utamakan negara

CHEF-de-mission, Datuk Khalid Yunus, mahu kontinjen negara menyahut ingatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menumpukan kepada latihan serta memberikan yang terbaik dalam Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI.

Menurutnya, harus segera melupakan segala masalah kecil yang boleh menjejaskan persiapan negara untuk temasya itu.

"Nasihat Perdana Menteri harus dipandang serius serta dipatuhi setiap atlit dan pegawai dalam kontinjen negara. Tidak ada lagi masa untuk kita leka.

"Atlit harus mementingkan disiplin, meletakkan maruah dan imej negara di hadapan dan mengetepikan kepentingan individu.

"Kita hendaklah menguatkan azam dan membulatkan tekad apabila bertanding," katanya mengulas ucapan Perdana Menteri di majlis penyampaian Jalur Gemilang kepada kontinjen negara di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah.

Dr Mahathir menasihati atlit supaya dalam tempoh 29 hari ini, tumpuan dijuruskan kepada latihan dengan keadaan mental yang kuat untuk memastikan kemenangan.

Menurutnya, atlit harus tekun untuk mencapai tahap tertinggi kerana ia amat penting jika mereka mahu mencapai kejayaan.

Khalid, yang menerima Jalur Gemilang daripada Perdana Menteri, menyedari tugas berat yang dipikulnya.

"Bagi saya, nasihat Perdana Menteri seperti nasihat bapa kepada anaknya dan ia haruslah dipatuhi," katanya.

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad, pula berkata atlit serta pegawai hendaklah menyelami mesej Dr Mahathir supaya kepentingan negara didahulukan daripada kepentingan diri.

Jika kepentingan negara tidak diutamakan, katanya, beberapa keributan yang sebelum ini timbul akan terus melanda persiapan kontinjen negara.

"Seharusnya atlit ambil perhatian perkara itu. Selama ini, masalah berlaku kerana atlit serta pegawai lebih mementingkan diri daripada negara.

"Jika mereka mementingkan negara, saya percaya perkara remeh-temeh yang boleh menjejaskan persiapan negara, tidak akan berlaku. Malah, mereka boleh memberi tumpuan dalam latihan dalam keadaan aman dan tenang.

"Jadi, saya harap mereka tahu tanggungjawab masing-masing. Mereka harus memberi yang terbaik untuk kejayaan negara," katanya.

Terdahulu, dalam persiapan kontinjen negara, terutama dalam pemilihan atlit, berlaku keributan dalam badminton dan gimnastik.

Menurut Mazlan, sepatutnya atlit dan pegawai kini menjuruskan tumpuan dalam persiapan masing-masing tanpa menimbulkan sebarang masalah remeh-temeh.

"Atlit dan pegawai harus tahu bahawa kita mempunyai saluran untuk menyelesaikan sebarang masalah. Jika mereka hadapi masalah, ia boleh dirunding dan saya percaya ia boleh diselesaikan secara baik," katanya.

Setiausaha MOM, Sieh Kok Chi, turut mahukan atlit yang terpilih mewakili negara mengambil berat saranan Perdana Menteri.

Menurutnya, saranan itu tepat pada masanya, terutama untuk memberi rangsangan kepada atlit yang bertanding dan mengingatkan mereka bahawa

tanggungjawab yang dipikul adalah berat.

"Bukan senang untuk dipilih mewakili negara. Jadi, mereka yang terpilih harus tahu tanggungjawab masing-masing. Imej negara harus diutamakan dan kejayaan yang dicapai adalah untuk negara," katanya.

Rata-rata atlit yang ditemui turut sependapat bahawa amanat Perdana Menteri terus memberi rangsangan dan semangat untuk mereka menghadapi temasya itu.

Jaguh lumba basikal negara, Rosman Alwi, peserta angkat berat, Mohd Hidayat Hamidon, serta pemenang dua pingat emas Sukan Sea, Zaki Sadri, berjanji akan mempamerkan yang terbaik dalam acara masing-masing dalam temasya itu nanti.

"Amanat Perdana Menteri menguatkan tekad saya untuk berjaya dalam Sukan Komanwel. Ia tepat pada masanya," kata Rosman.

(END)